

PERKARA YANG BOLEH DIBINCANGKAN

1. Mesyuarat MBJ hendaklah ditumpukan kepada perkara-perkara yang melibatkan **masalah bersama (common interest)**;
2. Contoh perkara-perkara yang **boleh dan pernah dibincangkan** dalam mesyuarat MBJ adalah seperti berikut:

2.1. Kewangan dan kemudahan

- 2.1.1. kelewatan bayaran balik tuntutan perjalanan;
- 2.1.2. peruntukan latihan yang tidak mencukupi; 2.1.3. kelewatan pembekalan pakaian seragam; dan
- 2.1.4. urusan kelewatan meluluskan cuti.

2.2. Pentadbiran

- 2.2.1. kemudahan/keselesaan ruang pejabat;
- 2.2.2. isu penggiliran waktu bekerja syif;
- 2.2.3. isu parkir kenderaan;
- 2.2.4. isu penyelenggaraan bangunan dan peralatan pejabat; dan
- 2.2.5. kerosakan mesin/sistem perakam waktu.

2.3. Sumber manusia

- 2.3.1. penyusunan semula organisasi;
- 2.3.2. kekosongan jawatan;
- 2.3.3. isu penyediaan latihan kepada warga baharu;
- 2.3.4. pusingan kerja dalaman di kalangan warga jabatan;
- 2.3.5. kursus dan latihan dalam perkhidmatan; dan
- 2.3.6. disiplin dan tindakan tatatertib.

2.4. Kebajikan

- 2.4.1. aktiviti sosial;

- 2.4.2. program sukan;
- 2.4.3. pewujudan tabung kebajikan di peringkat jabatan; dan
- 2.4.4. lantikan penyedia perkhidmatan taska di jabatan.

2.5. Inovasi dan produktiviti

- 2.5.1. penambahbaikan proses kerja;
- 2.5.2. pengurangan pembaziran dalam pengurusan pejabat; dan
- 2.5.3. pembudayaan teknologi digital dalam urusan kerja.

2.6. Lain-lain

- 2.6.1. cadangan pelaksanaan mesyuarat MBJ di luar kawasan pejabat;
- 2.6.2. pelancaran kempen peringkat jabatan seperti Kempen
- 2.6.3. Gaya Hidup Sihat; dan
- 2.6.4. masalah lalu lintas.

TIDAK BOLEH DIBINCANGKAN

1. Perkara Dasar Kerajaan

- 1.1. Segala bentuk perbincangan yang bertujuan untuk mengubah sesuatu keputusan dan dasar Kerajaan yang telah ditetapkan dalam Perintah Am, Warta Kerajaan, pekeliling, surat pekeliling atau lain-lain bentuk keputusan dasar adalah tidak dibenarkan untuk dibincangkan dalam Mesyuarat MBJ;
- 1.2. Walau bagaimanapun, Ketua Jabatan boleh memberi penjelasan mengenai perkara dasar untuk melicinkan pelaksanaannya di peringkat jabatan.

2. Hal Perseorangan

- 2.1. Masalah perseorangan atau peribadi tidak perlu dibawa ke dalam mesyuarat MBJ dan hendaklah diselesaikan secara pentadbiran sahaja.

- 3. Contoh perkara-perkara yang **tidak boleh dibincangkan** dalam mesyuarat MBJ adalah seperti berikut:

3.1. Perubahan pada dasar Kerajaan

- 3.1.1. cadangan penambahan jenis penyakit berjangkit dalam kemudahan Cuti Kuarantin;
- 3.1.2. cadangan penambahbaikan skim perkhidmatan;
- 3.1.3. cadangan pewujudan elaun atau kemudahan baharu dalam Perkhidmatan Awam;
- 3.1.4. cadangan meningkatkan bilangan jumlah pakaian seragam yang dibekalkan kepada pegawai yang layak; dan
- 3.1.5. cadangan memendekkan tempoh berada di gred lantikan bagi urusan kenaikan pangkat secara time-based berasaskan kecemerlangan.

3.2. Hal-hal perseorangan

- 3.2.1. isu kelewatan bayaran lebih masa kepada seseorang;
- 3.2.2. kerosakan komputer pejabat yang dihadapi oleh seseorang; dan
- 3.2.3. isu kekurangan alat tulis pejabat yang dibekalkan kepada seseorang.

MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)

LAMPIRAN B

BORANG USUL

JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)

.....

KATEGORI	USUL	DITERIMA / DITOLAK (DITANDA OLEH NAIB PENGERUSI MBJ)

Nota:

- 1) Kategori Usul adalah seperti berikut:
 - Kewangan / Kemudahan
 - Pentadbiran
 - Sumber Manusia / Latihan
 - Kebajikan
 - Inovasi dan produktiviti
 - Lain-lain
- 2) Satu borang hanya bagi satu usul sahaja.



Sila scan QR code ini untuk mengisi usul dalam Google Form

Tandatangan :

Nama Pengusul :

Tempat Bertugas :

Jawatan dan Gred :

** Sila kemukakan usul ini kepada Naib Pengerusi MBJ atau Setiausaha Pekerja.*